

Kerajaan tidak izinkan stesen TV perniagaan

KUALA LUMPUR, Selasa

pembangunan negara," tambahnya lagi.

Bellau akui penggunaan rancangan-rancangan luar negeri, terutama yang berbentuk hiburan, yang di dalamnya juga mengandungi bahan-bahan pendidikan dan pendidikan menimbulkan berbagai masalah.

"Lebih-lebih lagi banyak rancangan-rancangan itu mengandungi unsur-unsur seks dan keganasan," ujarnya.

Pemilihan

Bagaimanapun, tambahannya, RTM tidak secara melulu menggunakan rancangan-rancangan tersebut.

"Selain lanya ditapis dahulu oleh Lembaga Penapis Filem, RTM juga menapisnya sekali lagi melalui kumpulan penapis yang ditubuhkan oleh lembaga penapis khusus untuk RTM.

"Dalam tugasnya, kumpulan ini diberi kuasa menolak bulat-bulat

atau diadakan penapisan yang lebih teliti terhadap rancangan-rancangan tersebut.

"Malahan arahan telah saya buat agar penapisan yang lebih ketat hendaklah dibuat terhadap semua rancangan-rancangan dari luar negeri," jelasnya.

Malah sebuah jawatankuasa pemilihan rancangan-rancangan luar negeri yang akan memilih rancangan-rancangan yang sesuai untuk ditayangkan oleh TV Malaysia juga ditubuhkan, katanya.

Datuk Mohamad berkata, peningkatan rancangan-rancangan tempatan boleh menggalakkan perkembangan dan pemeliharaan nilai-nilai dan norma-norma tempatan terutama di kalangan generasi muda masa diwujudkan.

"Usaha sedang dijalankan oleh RTM melalui penubuhan 5 pusat terbitan wilayah di Kota Kinabalu, Kuching, Johor Bahru, Alor Setar dan Kota Bharu yang akan membuat rancangan tempatan yang



●DATUK MOHD RAHMAT

berunsurkan kebudayaan daerah," jelasnya.

Pembinaan pusat-pusat ini dijangka menelan belanja lebih daripada \$40 juta.

Selain itu, katanya, RTM akan membelanjakan kira-kira \$12 juta pada tahun hadapan bagi membeli alat-alat baru lima unit E.F.P., lima kamera dan dua van kawalan lampu yang akan dapat meningkatkan penerbitan rancangan-rancangan tempatan.

Peningkatan penerbitan rancangan-rancangan tempatan dijangka dapat dilakukan sepenuhnya apabila pembinaan sebuah pusat terbitan TV warna yang dijangka menelan belanja lebih daripada \$70 juta siap kira-kira tahun 1985.

Dengan berlabuhnya kemudahan ini kita harap kita akan dapat memperbalki lagi rancangan warta berita dan peristiwa," katanya.

Suhaimi: Tindakan kepada guru2 yang caci kerajaan

KUALA LUMPUR, Selasa — Kerajaan tidak teragak-agak mengambil tindakan tegas ke atas guru-guru yang didapati bersalah memburuk-buruk dan mencaici Kerajaan, Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Haji Suhaimi Datuk Kamaruddin, mengandungi di Dewan Rakyat hari ini.

Menjawab soalan ketua pembangkang, Encik Lim Kit Siang (DAP-Petaling) Datuk Haji Suhaimi berkata, tindakan itu adalah juga akan diambil ke atas guru-guru yang didapati memburuk-buruk atau memburuk-burukkan Kerajaan.

Sewaktu menafikan dakwaan bahawa seorang guru ditukarkan atas sebab-sebab politik, beliau berkata: "Soal penerbitan dan pertukaran guru tertakluk kepada beberapa kriteria tertentu.

"Saya memang sedar adanya di antara wakil-wakil guru yang mengemukakan permohonan bagi pihak guru-guru tersebut dari masa ke semasa.

"Seliranya didapati ada di antara permohonan yang dibuat itu menepati kriteria yang ditetapkan, seperti permohonan yang bersuami dan terpaksa mengikut suaminya ataupun melalui proses pusingan tukar-ganti, pertukaran tersebut boleh dipertimbangkan," jelasnya.

Pusingan

Datuk Haji Suhaimi memberitahu, guru-guru yang beraham dari maktub pergunakan, terutamanya guru-guru perempuan, akan ditempatkan di negeri asal mereka atau negeri berahamiran.

"Selain dari itu, lazimnya sistem pusingan tukar-ganti juga diamalkan di mana guru-guru yang beberapa tahun berkhidmat di luar bandar dan kawasan pedalaman memohon bertukar ke bandar atau ke kawasan yang dipohon dan tempatan mereka ini digantikan dengan guru-guru dari bandar yang belum pernah berkhidmat di luar bandar dan pedalaman," jelasnya lagi.

Menjawab soalan Haji Mohamad Zaini Abdulah (PAS-Bachok), beliau berkata, peratus guru-guru yang telah dan sedang berkhidmat di sekolah-sekolah luar bandar dan kawasan pedalaman berbeza antara satu negeri dengan negeri lain.

Bagaimanapun, katanya lagi, pada keseluruhan, kira-kira 70 peratus dari guru-guru berkhidmat di luar bandar dan pedalaman termasuk di Sabah dan Sarawak.

70% rokok akan guna tembakau tempatan

KUALA LUMPUR, Selasa — Tujuh puluh peratus pengeluaran rokok negara akan menggunakan tembakau tempatan menjelang 1985.

Menteri Perusahaan Utama, Datuk Paul Leong berkata, setakat ini 60 peratus pengeluaran rokok menggunakan tembakau tempatan dan akan bertambah dua peratus setiap tahun sehingga 1985.

Bellau menyatakan demikian dalam jawapan bertulisnya kepada Encik Shaari Jusoh (BN-Kangar) di Dewan Rakyat, hari ini.

Katanya, pengilang rokok tidak mengenakan kuota penggunaan daun tembakau tempatan.

Pengilang-pengilang rokok tempatan mengadakan tembakau tempatan dengan tembakau yang diimport bertujuan menambah kenikmatan merokok, jelasnya.

Datuk Leong menjangkakan, penambahahan penggunaan rokok tempatan bergantung kepada kemampuan pengeluaran oleh perusahaan tembakau tempatan di masa akan datang.

Kerajaan sedia tukar dasar negara dgn kehendak Islam

KUALA LUMPUR, Selasa — Kerajaan tidak akan teragak-agak menukar dasarnya selaras dengan kehendak-kehendak Islam sekiranya keadaan memerlukan.

Menjawab soalan Ustaz Nakhai Haji Ahmad (PAS-Baling), Menteri Tak Bertanggungjawab Perdana Menteri, Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi berkata, mengamalg menjadi hasrat Kerajaan untuk menyelaraskan proses pembangunan negara dengan kehendak-kehendak Islam.

"Kerajaan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan membuat dasar baru sekiranya keadaan memerlukan," tegasnya.

Penerangan dasar itu, bagaimanapun, bergantung kepada saranan-saranan Jawatankuasa Perunding yang ditubuhkan khas untuk mengkaji penerapan Islam ke

dalam proses pembangunan negara, jelasnya.

Datuk Abdullah, bagaimanapun mengulangi pendirian Datuk Seri Dr. Mahathir bahawa dasar yang sedang diamalkan sekarang akan diteruskan.

"Hanya cara pelaksanaannya mungkin berbeza. Itu yang selalu ditekankan beliau," tambahannya.

Ini, ujarnya, jelas dilihat dari segala arahan-arahan yang dikeluarkan, terutama dalam memperkemaskan Jabatan Perkhidmatan Awam, — satu-satunya jentera terpenting ke arah mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB).

"Segala arahan untuk mempastikan suatu sistem pentadbiran yang licin lagi kemas ini adalah kerana pentadbiran merupakan strategi baru bagi kerajaan baru mencapai matlamat DEB," jelasnya lagi.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia